

19/04/1998

Selangor kontinjen pertama menang emas

SHAH ALAM: Selangor dan Sarawak muncul dua kontinjen pertama memenangi pingat emas dalam Sukan Malaysia (Sukma) VII semalam sambil Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menuntut ahli sukan negara menghargai pelaburan besar kerajaan dalam lapangan berkenaan.

Pingat emas pertama sukan dwitahunan ini dimenangi pasangan Selangor, Low Su Wen dan Teoh Sue Ling, yang memperoleh 76.58 mata dalam acara duet renang berirama, disusuli kejayaan atlit Sarawak, Irene Wong Mei Jin, dalam acara figures.

Selangor turut memungut pingat perak dalam acara figures manakala Kuala Lumpur meraih satu gangsa melalui acara duet.

Bagaimanapun, Sarawak mendahului dalam senarai pungutan pingat apabila turut meraih satu perak dan satu gangsa, masing-masing melalui acara duet dan figures.

Sementara itu, Perdana Menteri dalam perutusannya sempena perasmian Sukma VII, berkata kerajaan tidak mahu pelaburan besar memajukan sukan negara menjadi sia-sia kerana atlit masih sukar dan kurang berupaya menunjukkan kecemerlangan.

"Negara kita sebenarnya masih kekurangan atlit yang mampu menembusi dan menguasai banyak acara sukan dunia yang masih dimonopoli bangsa lain.

"Walaupun pelbagai usaha dibuat seperti mengambil jurulatih asing, menyediakan kemudahan sukan yang lengkap dan mendapatkan bantuan kerajaan, atlit masih sukar dan kurang berupaya menunjukkan kecemerlangan di bidang masing-masing di peringkat antarabangsa.

"Sudah tentu ada sebabnya berlaku demikian. Inilah yang harus dikaji dan diteliti semua pihak yang terbabit demi kemajuan sukan negara," katanya.

Dr Mahathir juga mahu peserta Sukma VII menjadikan kejohanan kali ini sebagai kayu pengukur kebolehan dan prestasi masing-masing dan menguji daya juang dan ketahanan di samping mempraktikkan ilmu yang sudah dipelajari.

Sukma VII dirasmikan dalam upacara sederhana tetapi meriah oleh Pemangku Raja Selangor di Stadium Shah Alam malam tadi.

(END)